

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN
MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika terdapat sebarang komitmen untuk membentuk kerjasama dan persefahaman bersama pihak pembangkang dalam usaha memulih ekonomi dan kesihatan rakyat seperti melalui keanggotaan Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen (Select Committee), peruntukan dana bantuan di kawasan dan sebagainya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya bertarikh 22 Ogos 2021 (Ahad) antara lain telah menawarkan kepada kepimpinan pembangkang untuk bersama-sama menganggotai Majlis Pemulihan Negara (MPN) dan Jawatankuasa Khas Menangani COVID-19. Ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kerjasama rentas parti dalam memperbaiki, merawat dan memulihkan semula situasi dalam negara.
2. Selain itu, pihak Kerajaan di dalam mesyuarat Majlis Pemulihan Negara Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 23 Julai 2021 antara lain telah menyatakan bahawa pembentukan MPN akan mengambil pendekatan Whole of Nation dengan menjemput bukan sahaja pakar industri dalam pelbagai sektor (kesihatan, perbankan, pendidikan, komunikasi, sosial dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), wakil antarabangsa, Sabah dan Sarawak, malah mencadangkan supaya wakil Ahli Parlimen blok pembangkang dilantik sebagai ahli tetap MPN.
3. Semasa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara Bilangan 53, Siri 115 pada 2 September 2021 pula, YAB Pengerusi telah turut mencadangkan penglibatan pembangkang dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik. Pelawaan penyertaan tambahan keahlian kepada dua (2) wakil pihak pembangkang dalam jawatankuasa ini telah dibuat dan ini merupakan salah satu usaha kolektif untuk melibatkan semua pemegang taruh bagi memastikan pemulihan negara berjalan seperti yang dirancang seiring dengan semangat Keluarga Malaysia.

4. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kini terdapat 9 Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu seperti berikut:
- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-Hak di Bawah Perlembagaan
 - ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan Dan Ekonomi
 - iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan
 - iv. Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Agensi-Ageni Di Bawah Jabatan Perdana Menteri
 - v. Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian Dan Perdagangan Dalam Negeri
 - vi. Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur
 - vii. Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan
 - viii. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial
 - ix. Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi

Keahlian Jawatankuasa-Jawatankuasa tersebut terdiri daripada Ahli Parlimen Kerajaan dan Ahli Parlimen Pembangkang. Oleh itu, Jawatankuasa yang berkaitan seperti di atas boleh meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.